

Headline	Pelancong perniagaan sumbang RM20.3 bilion tahun ini MyCEB		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Mar 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 408
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,224



Pelancong perniagaan sumbang RM20.3 bilion tahun ini – MyCEB

KUALA LUMPUR: Pelancong perniagaan dijangka menyumbang RM20.3 bilion kepada ekonomi negara pada tahun ini, kata Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB).

Pengurus Besar bagi acara perniagaannya Ho Yoke Ping berkata, peningkatan kesedaran mengenai Malaysia sebagai sebuah destinasi untuk acara perniagaan seperti mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran ditambah dengan nilai wang negara yang menarik serta pelbagai budaya adalah antara faktor untuk menyokong unjuran itu.

“Malaysia dilihat sebagai sebuah destinasi baharu yang menarik untuk menjadi tuan rumah persidangan, pameran perdagangan dan mesyuarat.

“Berserta dengan rekod prestasi yang kukuh daripada acara-acara sebelumnya, ia telah mewujudkan kesedaran dan kita akan melihat lebih banyak persatuan antarabangsa yang akan memilih Malaysia sebagai destinasi untuk persidangan mereka,” katanya kepada Bernama.

Selain itu, Ho berkata, MyCEB aktif mempromosikan Malaysia dan membuat tawaran untuk acara perniagaan serantau dan antarabangsa diadakan di negara ini.

“Ini akan mewujudkan banyak limpahan manfaat untuk industri-industri lain dan ekonomi negara secara keseluruhannya,” katanya lagi.

Pada tahun 2013, MyCEB memperoleh 42 persidangan persatuan, 91

mesyuarat korporat dan insentif kumpulan serta, satu acara pameran perdagangan yang disertai 81,350 delegasi dengan nilai ekonomi bernilai RM789.7 juta.

Ia juga telah membantu 106 mesyuarat dan konvensyen, 18 pameran dan 109 kumpulan insentif korporat yang menyumbang kepada kesan ekonomi sebanyak RM1.2 bilion kepada negara.

Ho berkata Malaysia mempunyai rekod yang baik untuk menjadi tuan rumah kepada konvensyen antarabangsa yang berprestij dan bertaraf dunia dengan kehadiran yang ramai.

Antaranya termasuk yang terbaru iaitu Million Dollar Round Table 2014 yang dihadiri oleh 5,000 delegasi serta, Persidangan Global Women Deliver Ke-3 dengan 4,500 delegasi dan Persidangan HIV dalam Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan Masyarakat Aids Antarabangsa (IAS) Ke-7 2013 dengan 5,220 delegasi.

Bagi menyokong Tahun Melawat Malaysia 2014, MyCEB melancarkan kempen Malaysia Wtin Deal

Campaign++ yang menawarkan pakej tambah nilai untuk mesyuarat korporat antarabangsa dan kumpulan insentif.

MyCEB, yang ditubuhkan pada 2009 oleh Kementerian, Pelancongan dan Kebudayaan bertujuan untuk mengukuhkan lagi jenama pelancongan perniagaan di Malaysia dan meletakkan negara sebagai destinasi acara mesyuarat antarabangsa, insentif, konvensyen dan pameran (MICE). – Bernama